

Belanjawan 2024 lulus peringkat dasar, tentukan hala tuju negara

Kesejahteraan rakyat akan terus dilindungi

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan akan terus melindungi kesejahteraan rakyat dengan memastikan ekonomi kekal membangun melalui dasar-dasar yang dirancang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, untuk itu Kerajaan Perpaduan berusaha memastikan ekonomi negara

sentiasa berada di landasan yang tepat.

Katanya, ini termasuk tanggungjawab kerajaan mengurangkan defisit fiskal tanpa mengabaikan usaha melindungi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi.

Sebab itu kata beliau, sasaran pengurangan defisit fiskal dilakukan secara beransur-ansur iaitu daripada 5.6 peratus pada 2022 kepada 2.0 peratus tahun ini dan seterusnya 4.3 peratus untuk

tahun hadapan.

Kata Anwar, melalui inisiatif itu, kerajaan yakin dapat mengurangkan defisit fiskal kepada tiga peratus pada 2025 kerana kesungguhan kerajaan berbelanja secara bertanggungjawab dan berhemat.

“Pengurangan ini tidak dibuat dengan mendadak dan kerajaan mengekalkan dasar fiskal.

Bersambung di muka 2